

PENEROKAAN EMOSI DAN DIMENSI PSIKOSOSIAL PENGHUNI INSTITUSI PEMULIHAN MELALUI KAEDAH ART DRAWING–HOUSE TREE PERSON (AD-HTP)

Grace Ang Ngar Ee

Sekolah Tunas Bakti
Jabatan Kebajikan Masyarakat

ABSTRACT

This study aims to explore the emotional and psychosocial dimensions experienced by residents of one of the rehabilitation institutions under the Department of Social Welfare Malaysia (JKM) using the Art Drawing–House Tree Person (AD-HTP) method. A qualitative approach was employed to understand the internal experiences of participants who faced difficulties expressing their feelings verbally. A total of 10 residents were selected through purposive sampling based on counsellor recommendations and their willingness to participate. Data were collected through AD-HTP drawings produced within 30 to 45 minutes and analysed using document analysis and thematic analysis. The findings reveal seven major themes that reflect the emotional and psychosocial conditions of the residents: anxiety about the future, the desire for freedom and autonomy, the need for love and emotional attachment, hopes for support and guidance, the need for socialisation and the influence of peers, feelings of being constrained and the need for protection, and life pressures and socioeconomic hardship. These themes emerged through drawing symbols such as clouds, birds, the sun, hills, crossed windows, and paddy fields. This study provides significant implications for rehabilitation efforts, particularly in assisting counsellors to better understand the underlying emotions and psychosocial needs of residents. In conclusion, the AD-HTP method is an effective projective tool for exploring the emotional experiences of adolescents in rehabilitation institutions and supports the development of more holistic and individual-centred intervention plans.

KEYWORDS: *emotions, psychosocial, rehabilitation institution, AD-HTP, thematic analysis*

PENGENALAN

Remaja di institusi pemulihan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sering berdepan dengan pelbagai cabaran emosi dan psikososial yang boleh memberi kesan kepada kesejahteraan diri mereka semasa proses pemulihan. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa perasaan seperti kebimbangan, tekanan hidup, ketidakpastian masa depan, kekurangan kasih sayang, dan konflik identiti merupakan antara dimensi emosi yang lazim dialami oleh remaja berisiko (Ismail et al., 2022; Tharshini & Ibrahim, 2020). Faktor psikososial seperti pengaruh rakan sebaya, hubungan keluarga yang renggang, serta pengalaman trauma juga berpotensi mempengaruhi corak penyesuaian diri penghuni ketika berada di institusi pemulihan. Unsur-unsur ini penting difahami kerana ia bukan sahaja memberi kesan terhadap kesejahteraan mental, tetapi turut mempengaruhi tingkah laku, motivasi diri, dan keberkesanan proses rehabilitasi (Abu Bakar & Hamzah, 2019).

Dalam konteks institusi pemulihan, penghuni sering kali mempunyai kesukaran meluahkan emosi secara terbuka, sama ada disebabkan pengalaman lampau, stigma, atau mekanisme pertahanan psikologi. Oleh sebab itu, pendekatan yang mampu menyingkap perasaan terpendam dan memberi gambaran tentang keadaan psikososial mereka amat diperlukan. Kaedah *Art Drawing–House Tree Person (AD-HTP)* digunakan dalam kajian ini sebagai alat penilaian projektif untuk membantu mengenal pasti simbol, ekspresi dan makna tersirat yang berkaitan dengan emosi dan pengalaman hidup penghuni. Walau bagaimanapun, kaedah AD-HTP bukan fokus utama kajian, sebaliknya berfungsi sebagai instrumen untuk meneroka keadaan emosi dan dimensi psikososial yang lebih mendalam.

Oleh itu, kajian ini memberi tumpuan kepada pemahaman menyeluruh terhadap emosi, perasaan dalaman, dan pengalaman psikososial penghuni institusi pemulihan, selaras dengan keperluan penyelidikan yang menekankan kesejahteraan psikologi sebagai komponen penting dalam proses rehabilitasi. Kajian ini mengisi

jurang pengetahuan dalam literatur dengan meneliti aspek psikologi dan sosial penghuni secara holistik, bukan hanya pada tingkah laku luaran, tetapi pada dimensi emosi yang sering tidak diungkapkan secara lisan.

PENYATAAN MASALAH

Penghuni institusi pemulihan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) lazimnya berdepan dengan pelbagai isu emosi dan psikososial yang kompleks seperti kebimbangan, tekanan hidup, konflik identiti, kekurangan kasih sayang dan pengaruh rakan sebaya. Keadaan ini selari dengan dapatan kajian Ismail et al. (2022) dan Tharshini dan Ibrahim (2020) yang menunjukkan bahawa remaja berisiko sering mengalami ketidakstabilan emosi yang memberi kesan kepada proses penyesuaian diri mereka. Berdasarkan Teori Psikososial Erikson (1950), remaja dalam konteks ini berada dalam fasa *Identity vs. Role Confusion* yang menjadikan mereka lebih sensitif terhadap isu hubungan, penerimaan sosial dan pembentukan konsep sendiri. Manakala Teori Pembelajaran Sosial Bandura (1977) pula menjelaskan bahawa tingkah laku dipengaruhi oleh interaksi antara faktor persekitaran, pemerhatian dan proses kognitif yang berlaku dalam diri individu.

Walaupun terdapat banyak kajian yang meneliti tingkah laku devian dan faktor risiko dalam kalangan remaja, kebanyakan kajian lebih menumpukan kepada aspek luaran seperti disiplin, kesalahan lampau atau persekitaran sosial (Aziz et al., 2023; Zakaria et al., 2021; Zakaria et al., 2022). Kajian yang meneroka pengalaman emosi dan dimensi psikososial semasa penghuni sedang menjalani pemulihan masih terhad, terutamanya dalam konteks institusi kebajikan di Malaysia. Tambahan pula, ramai penghuni menghadapi kesukaran meluahkan perasaan secara lisan disebabkan mekanisme pertahanan diri, trauma atau stigma, menyebabkan dimensi emosi mereka kurang difahami oleh kaunselor dan pegawai pemulihan.

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk mengisi jurang tersebut melalui penggunaan kaedah *Art Drawing–House Tree Person (AD-HTP)* sebagai alat penilaian projekatif, bukan sebagai fokus utama kajian. Instrumen ini membolehkan pengkaji meneliti simbol, ekspresi dan makna tersirat yang menggambarkan keadaan emosi serta psikososial penghuni secara lebih mendalam. Oleh itu, kajian ini penting untuk memperkukuh pemahaman tentang pengalaman emosi penghuni dan menyokong perancangan intervensi pemulihan yang lebih holistik, tepat dan berpusatkan individu.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk:

- a) Meneroka emosi dan dimensi psikososial yang dialami oleh penghuni institusi pemulihan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM);
- b) Mengenal pasti simbol dan elemen lukisan yang muncul dalam kaedah *Art Drawing–House Tree Person (AD-HTP)* sebagai gambaran kepada keadaan emosi dan pengalaman psikososial penghuni; dan
- c) Menganalisis tema-tema utama yang terbentuk daripada interpretasi lukisan AD-HTP bagi memahami perasaan, tekanan, dan keperluan psikososial penghuni.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk fenomenologi penerokaan bagi memahami emosi dan dimensi psikososial penghuni institusi pemulihan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Pendekatan ini dipilih kerana ia memberi ruang kepada pengkaji untuk meneliti pengalaman dalaman peserta secara mendalam, terutamanya bagi remaja yang sukar meluahkan perasaan secara lisan.

PENSAMPELAN DAN PEMILIHAN RESPONDEN

Seramai 10 penghuni dipilih melalui pensampelan bertujuan (purposive sampling). Pemilihan peserta dibuat berdasarkan tiga kriteria:

- a) mempunyai kesukaran meluahkan perasaan atau pengalaman emosi secara verbal;
- b) dikenal pasti oleh kaunselor institusi sebagai individu yang memerlukan sokongan psikososial tambahan; dan
- c) bersetuju secara sukarela untuk terlibat dalam kajian.

Walaupun setiap penghuni mempunyai latar belakang tingkah laku yang berbeza, mereka berkongsi isu yang sama dari sudut emosi dan psikososial iaitu kebimbangan, tekanan hidup, konflik identiti dan keperluan sokongan. Persamaan ini menjadikan mereka sesuai untuk kajian fenomenologi yang menumpukan makna pengalaman emosi semasa, bukan sejarah kesalahan lampau.

Pemilihan 10 orang peserta ini memadai berdasarkan prinsip *data saturation*, di mana tema dan pola utama mula berulang selepas beberapa sesi (Guest et. al., 2020).

PROSEDUR PENGUMPULAN DATA

Kaedah *Art Drawing–House Tree Person* (AD-HTP) digunakan sebagai instrumen penilaian projektiif. Setiap peserta diberikan kertas lukisan dan alat menulis untuk menghasilkan lukisan yang merangkumi rumah, pokok dan orang, serta simbol tambahan mengikut kreativiti mereka. Proses melukis berlangsung selama 30 hingga 45 minit dalam bilik bimbingan yang tenang.

Kaedah AD-HTP dipilih kerana:

- a) Kaedah ini sesuai untuk remaja yang sukar meluahkan emosi secara lisan;
- b) Kaedah ini dapat mendedahkan simbol emosi yang tersembunyi melalui lukisan; dan
- c) Kaedah ini mempunyai asas teori yang kukuh dan telah disesuaikan untuk konteks Malaysia (Abu Shahim & Mohamed Arip, 2024).

Setiap peserta diberikan kod pseudonim R1 hingga R10 bagi menjaga kerahsiaan.

KAWALAN BIAS

Bias dikawal melalui dua strategi:

- a) Triangulasi data – menggabungkan tafsiran lukisan, pertanyaan semula kepada peserta tentang lukisan dan pemerhatian tingkah laku semasa sesi; dan
- b) Semakan rakan penyelidik – seorang kaunselor institusi yang mempunyai kaunselor berdaftar (KB) dan perakuan amalan (PA) telah menilai semula tafsiran awal untuk memastikan bebas bias individu.

KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN INSTRUMEN

Kaedah AD-HTP mempunyai asas kesahan yang mantap. Kajian Abu Shahim dan Mohamed Arip (2024) menunjukkan kesahan konstruk dan kesesuaian kaedah ini dalam menilai dimensi emosi, konflik dalaman, konsep sendiri dan hubungan sosial dalam kalangan remaja Malaysia. Kebolehpercayaan interpretasi diperkukuh melalui penggunaan manual tafsiran yang standard serta semakan silang oleh dua penilai.

ANALISIS DATA

Data dianalisis menggunakan analisis tematik manual berpandukan enam fasa Braun dan Clarke (2022): pembiasaan data, penjanaan kod awal, pembangunan tema, semakan tema, penamaan tema dan penulisan laporan. Tafsiran simbol AD-HTP dirujuk kepada manual interpretasi Abu Shahim dan Mohamed Arip (2024) bagi memastikan keseragaman dan kesahan tematik. Hasil lukisan ditriangulasikan dengan naratif peserta bagi memastikan dapatan menggambarkan emosi dan dimensi psikososial semasa, bukan pengalaman lampau atau sejarah kesalahan.

DAPATAN KAJIAN

Demografi Responden

Para responden terdiri daripada 10 individu lelaki berbangsa Melayu yang berumur antara 17 hingga 21 tahun. Mereka sedang menjalani pemulihan di salah sebuah institusi pemulihan di JKM selama 3 tahun atas pelbagai kesalahan jenayah. R1 dan R2, masing-masing berumur 20 tahun, telah diperintah kerana menghisap dan memiliki dadah. R1 adalah anak kelima daripada 6 adik-beradik dan mempunyai hubungan erat dengan ibu dan adik-beradik kandungnya, manakala R2 merupakan anak kelima daripada 7 adik-beradik dalam perkahwinan kedua ibu bapanya, dan tinggal dengan abang selepas ibunya berkahwin kali ketiga. R3, yang berumur 19 tahun, juga telah diperintah kerana menghisap dadah, merupakan anak sulung daripada 6 adik-beradik dan mempunyai hubungan yang teruk dengan bapanya di mana bapa juga seorang penagih dadah. R4 dan R8 masing-masing berumur 17 tahun, dan R10 berumur 18 tahun. Ketiga-tiga responden ini telah diperintah kerana melakukan kesalahan seksual. R4 telah dijaga oleh datuknya selepas bapanya meninggalkannya dan merupakan anak bongsu daripada 2 adik-beradik kandung. Manakala, bapa R8 telah meninggal dunia akibat menghisap dadah dan ibunya melarikan diri dengan anak bongsu, menyebabkan dia dan dua adiknya dijaga oleh JKM.

R10 merupakan anak sulung daripada dua adik-beradik kandung, dan bapanya berkahwin baru dengan ibu kandungnya selepas bercerai dengan isteri pertamanya. Selain itu, R5, yang berumur 21 tahun, telah diperintah kerana menghisap dadah dan merupakan anak tunggal dalam perkahwinan ibu bapanya dan telah dijaga oleh datuk dan neneknya selepas ibu bapanya bercerai dan berkahwin baru dengan orang lain. R6, berumur 18 tahun, telah diperintah kerana menghisap dan memiliki dadah. R6 berasal dari keluarga yang bermasalah di mana kedua-dua ibu bapanya merupakan penagih dadah. R6 mempunyai hubungan yang rapat dengan ibunya tetapi mengalami hubungan yang renggang dengan bapanya. R7, yang berumur 19 tahun, telah diperintah kerana menghisap dadah. Beliau merupakan

anak sulung dan mempunyai dua orang adik yang berumur 13 dan 8 tahun. Bapa R7 sedang dipenjarakan kerana menghisap dadah sementara ibunya menjadi sumber kewangan utama keluarga. Akhir sekali, R9, berumur 20 tahun, juga telah diperintah kerana menghisap dadah. Beliau merupakan anak sulung daripada 3 adik-beradik kandung, dan bapanya meninggal dunia akibat kemalangan motosikal manakala ibunya berkahwin baru semasa beliau berusia 15 tahun. Jadual 1 di bawah menunjukkan maklumat demografi responden.

Jadual 1: Demografi Responden

Bil.	Responden	Jantina	Bangsa	Umur	Kesalahan	Tempoh Hukuman	Latar Belakang Keluarga
1	R1	Lelaki	Melayu	20	Menghisap dan memiliki dadah	3 tahun	<ul style="list-style-type: none">• Bapa berkahwin dua.• Anak kelima daripada 6 adik-beradik.• Hubungan erat dengan ibu dan adik -beradik kandung yang lain.
2	R2	Lelaki	Melayu	20	Menghisap dan memiliki dadah	3 tahun	<ul style="list-style-type: none">• Bapa meninggal dunia akibat barah otak.• Ibu berkahwin tiga kali.• Anak kelima daripada 7 adik-beradik, merupakan perkahwinan kedua ibu bapa kandung.• Tinggal dengan abang selepas ibu berkahwin kali ketiga.
3	R3	Lelaki	Melayu	19	Menghisap dadah	3 tahun	<ul style="list-style-type: none">• Bapa penagih dadah, hubungan renggang dengan ayah.• Anak sulung daripada 6 adik-beradik.• Ibu juga penagih dadah dan baru dibebaskan dari penjara.

4	R4	Lelaki	Melayu	17	Melakukan kesalahan seksual	3 tahun	<ul style="list-style-type: none"> • Ibu bapa kandung bercerai. • Dijaga oleh datuk selepas bapa meninggalkan mereka. • Anak bongsu daripada 2 adik-beradik kandung.
5	R5	Lelaki	Melayu	21	Menghisap dadah	3 tahun	<ul style="list-style-type: none"> • Ibu bapa kandung bercerai dan kedua-dua ibu bapa berkahwin baru sebanyak dua kali. • Anak tunggal dalam perkahwinan ibu bapa kandung. • Dijaga oleh datuk dan nenek.
6	R6	Lelaki	Melayu	18	Menghisap dan memiliki dadah	3 tahun	<ul style="list-style-type: none"> • Ibu bapa merupakan penagih dadah dan sudah bercerai. • Anak kedua daripada 6 adik-beradik. • Hubungan rapat dengan ibu tetapi hubungan renggang dengan bapa.
7	R7	Lelaki	Melayu	19	Menghisap dadah	3 tahun	<ul style="list-style-type: none"> • Bapa dipenjara kerana menghisap dadah. • Ibu merupakan sumber kewangan keluarga. • Anak sulung dan mempunyai dua adik berumur 13 dan 8 tahun.
8	R8	Lelaki	Melayu	17	Melakukan kesalahan seksual	3 tahun	<ul style="list-style-type: none"> • Bapa telah meninggal dunia akibat menghisap dadah. • Ibu melarikan diri dengan anak bongsu selepas bapa meninggal dunia. • Dijaga oleh JKM bersama dua orang adik.
9	R9	Lelaki	Melayu	20	Menghisap dadah	3 tahun	<ul style="list-style-type: none"> • Bapa meninggal dunia akibat kemalangan motosikal. • Ibu berkahwin baru semasa beliau 15 tahun. • Anak sulung daripada 3 adik-beradik kandung.
10	R10	Lelaki	Melayu	18	Melakukan kesalahan seksual	3 tahun	<ul style="list-style-type: none"> • Anak sulung daripada dua adik-beradik kandung. • Bapa berkahwin baru dengan ibu kandung selepas bercerai dengan isteri pertama.

*R = Responden

DAPATAN KAJIAN BERDASARKAN ANALISIS TEMATIK

Analisis tematik terhadap lukisan AD-HTP yang dihasilkan oleh sepuluh penghuni institusi pemulihan menunjukkan enam dimensi emosi dan psikososial utama yang sedang dialami oleh mereka semasa berada dalam institusi. Tema-tema ini tidak menggambarkan punca tingkah laku yang membawa kepada kemasukan ke institusi, tetapi mencerminkan keadaan emosi semasa, pengalaman dalaman, dan keperluan psikososial yang mereka alami sepanjang proses pemulihan.

Tema 1: Kebimbangan tentang Masa Depan (Simbol: Awan)

Kesemua responden melukis simbol awan, melambangkan kebimbangan berterusan berkaitan ketidakpastian masa depan, kesukaran membuat keputusan dan rasa takut mengulangi kesilapan lampau. Simbol awan memberi gambaran tentang pemikiran yang berserabut, rasa tidak selamat dan tekanan kognitif.

Seperti yang ditunjukkan oleh R1 dan R10:

“Saya hanya tinggal 2 bulan lagi sebelum menamatkan perintah di institusi pemulihan, saya berasa bimbang terhadap masa depan saya sendiri iaitu takut melakukan kesilapan silam kerana persekitaran kampung dan kawan lama masih sama seperti dulu. Saya juga bimbang tidak dapat mencari kerja untuk menyara hidup sendiri kerana saya tidak mahu menjalani kehidupan silam iaitu menjual dadah” (melukis awan menunjukkan kebimbangan yang sedang bermain di fikiran seseorang)” (R1)

“Saya berasa bimbang kerana telah melakukan kesalahan disiplin yang berat di institusi pemulihan di mana hukuman terhadap kesalahan ini boleh menyebabkan lawatan keluarga disekat dan saya tidak dapat berjumpa dengan ibu bapa” (melukis awan menunjukkan kebimbangan yang sedang bermain di fikiran seseorang. (R10)

Tema 2: Keinginan untuk Kebebasan dan Autonomi (Simbol: Burung)

Sebahagian besar responden iaitu terdiri daripada R1, R2, R4, R5, R6, R7, R8, R9 dan R10 melukis burung sebagai simbol hasrat untuk bebas daripada kawalan, rutin institusi dan tekanan persekitaran. Burung mencerminkan keinginan untuk menentukan hala tuju hidup sendiri, membuat pilihan bebas dan keluar daripada rasa terkongkong.

Seperti yang ditunjukkan oleh R2 dan R5:

“Saya suka melakukan aktiviti yang dirasakan memberi keseronokan atau mencuba sesuatu yang baru seperti minum air ketum, menghisap dadah, menjual dadah untuk mendapat duit yang banyak dan cepat untuk membeli barang yang disukai atau berjudi haram secara atas talian, lumba motosikal haram dan pergaulan bebas” (melukis burung menunjukkan individu mencari kebebasan). (R2)

“Saya juga mengharapkan dibebaskan dari institusi pemulihan agar boleh menjaga ibu dan datuk kelak serta boleh bebas untuk melakukan apa-apa aktiviti yang diinginkan tanpa dikawal oleh institusi pemulihan” (melukis burung menunjukkan individu mencari kebebasan dan cuba melepaskan diri dari kongkongan). (R5)

Tema 3: Keperluan terhadap Kasih Sayang dan Keterikatan Emosi (Simbol: Matahari)

Lukisan matahari menggambarkan keperluan penghuni terhadap hubungan emosi yang stabil, rasa disayangi, dan penerimaan. Sebilangan besar responden iaitu R1, R3, R4, R5, R6, R7, R9 dan R10 menggambarkan matahari sebagai sumber kehangatan dan perhatian yang dirasakan kurang dalam kehidupan mereka.

Seperti yang ditunjukkan oleh R4 dan R7:

“Saya juga mengharapkan boleh mendirikan rumah tangga sendiri dan mendapat kasih sayang daripada isteri” (melukis rumah yang besar, orang yang dilukis mewakili dirinya dan bakal isterinya). R4

“Saya mengakui tidak mendapat kasih sayang daripada bapa dan mengharapkan kasih sayang daripada bapa” (melukis matahari menunjukkan individu memerlukan kasih sayang dan kemesraan). R7

Tema 4: Harapan terhadap Sokongan dan Bimbingan (Simbol: Bukit atau Gunung)

Sebahagian peserta iaitu R1, R3, R7, R8, R9 dan R10 melukis bukit atau gunung yang melambangkan keperluan sokongan daripada institusi, keluarga atau agensi luar untuk membantu mereka membina masa depan. Simbol ini menggambarkan cabaran yang dihadapi dan harapan bahawa mereka mampu “mendaki” semula kehidupan dengan bantuan pihak tertentu.

Seperti yang ditunjukkan oleh R1 dan R3:

“Saya mengharapkan sokongan daripada keluarga dan pihak JKM dalam pengurusan pusat untuk melanjutkan kemahiran vokasional saya boleh mendapat sijil untuk menceburi bidang kemahiran” (melukis bukit/gunung menunjukkan keinginan untuk mendapat sokongan) R1

“Saya sudah insaf dan bertaubat, serta ingin menjalankan kehidupan yang baru. Oleh itu, saya meminta bantuan dan sokongan daripada pihak JKM untuk mencari kerja atau tempat untuk menyambung kemahiran setelah tamat perintah di institusi pemulihan” (melukis bukit atau gunung). R3

Tema 5: Keperluan Sosialisasi dan Pengaruh Rakan Sebaya (Simbol: Tombol Pintu)

Lukisan tombol pintu mewakili keinginan untuk berhubung dengan orang lain, menjalinkan persahabatan dan mencari rasa dimiliki. Simbol ini mencerminkan kecenderungan penghuni untuk membuka diri kepada interaksi sosial. Responden yang melukis tombol pintu terdiri daripada R1, R2, R4, R7, R9 dan R10.

Seperti yang ditunjukkan oleh R2 dan R10:

“Saya mengaku saya suka mencari kawan untuk mengisi masa lapang dan mendapat teman untuk menghiburkan kehidupan saya” (melukis tombol pintu menunjukkan suka bergaul dengan orang). R2

“Saya suka berkawan dan mempunyai ramai kawan di dalam institusi pemulihan” (melukis tombol pintu berkaitan suka bergaul dengan orang). R10

Tema 6: Perasaan Terkongkong dan Keperluan Perlindungan (Simbol: Tingkap Bersilang)

Sepuluh daripada responden iaitu R1, R2, R8, R9 dan R10 melukis tingkap bersilang yang menggambarkan perasaan terkurung secara fizikal dan emosi. Simbol ini mencerminkan keinginan mereka untuk dilindungi tetapi pada masa yang sama merindui kebebasan.

Seperti yang ditunjukkan oleh R8 dan R9:

“Saya rasa dikongkong di institusi perlindungan kerana sejak tinggal di sana tidak mendapat kebebasan seperti di rumah, saya mengharapkan untuk dibebaskan dan balik ke kampung” (melukis tingkap bersilang berkaitan individu rasa terkongkong, melukis burung menunjukkan individu mencari kebebasan dan cuba melepaskan diri dari konkongan). R8

“Saya berasa dikongkong oleh ibu dan nenek yang sentiasa memberi nasihat terhadap tingkah laku yang salah terutama isu merokok dan menghisap dadah” (tingkap yang bersilang menunjukkan individu rasa terkongkong). R9

Tema 7: Tekanan Hidup dan Kesempitan Sosioekonomi (Simbol: Sawah Padi)

Sebahagian responden iaitu R2, R5, R6, R9 dan R10 melukis sawah padi, yang melambangkan tekanan kewangan, beban keluarga, dan kesukaran ekonomi yang sedang dialami. Ini menunjukkan bahawa kesusahan hidup masih menjadi isu utama yang membentuk emosi dan kesejahteraan psikososial mereka semasa berada di institusi.

Seperti yang ditunjukkan oleh R5 dan R9:

“Saya mengalami masalah kewangan keluarga bukan sahaja berpunca daripada ibu yang tidak mempunyai pendapatan yang tetap, namun juga berpunca daripada dirinya. Semasa saya direman di lokap, ibu telah meminjam wang dengan lintah darat (along) untuk menjamin saya keluar dari lokap serta mencari peguam untuk kes mahkamah saya” (melukis sawah padi berkaitan individu yang mungkin mengalami kebimbangan dengan kesempitan hidup terutama dari segi kewangan). R5


“Saya berasa risau ditukarkan ke penjara atau Sekolah Henry Gurney kerana melakukan kesalahan yang berat di institusi pemulihan” (melukis sawah padi berkaitan dengan individu mengalami kebimbangan dengan kesempitan hidup). R9


Tema-tema ini menunjukkan bahawa penghuni institusi pemulihan bukan sahaja berhadapan dengan cabaran tingkah laku, tetapi lebih kritikal lagi, mereka berdepan konflik emosi, tekanan psikososial dan keperluan hubungan yang tidak dipenuhi. Simbol-simbol yang muncul dalam lukisan AD-HTP memberikan gambaran holistik tentang pengalaman semasa mereka, sekali gus membantu memahami keperluan pemulihan yang lebih mendalam dan berpusatkan individu.

Jadual 2: Rumusan Item Utama Dianalisis Daripada Lukisan Responden


Bil.	Lukisan	Item						
		1	2	3	4	5	6	7
R1		√	√	√	√	√	√	√



Bil.	Lukisan	Item						
		1	2	3	4	5	6	7
R2				√	√	√	√	√

Bil.	Lukisan	Item						
		1	2	3	4	5	6	7
R3		√	√	√				

Bil.	Lukisan	Item						
		1	2	3	4	5	6	7
R4		√		√	√	√		




Bil.	Lukisan	Item						
		1	2	3	4	5	6	7
R5		√		√	√			√



Bil.	Lukisan	Item						
		1	2	3	4	5	6	7

R6


√ √ √



Bil.	Lukisan	Item						
		1	2	3	4	5	6	7

R7


√ √ √ √ √ √ √




Bil.	Lukisan	Item						
		1	2	3	4	5	6	7
R8			√	√	√			√



Bil.	Lukisan	Item						
		1	2	3	4	5	6	7
R9		√	√	√	√	√	√	√



Bil.	Lukisan	Item						
		1	2	3	4	5	6	7
R10		√	√	√	√	√	√	√
		Item						
		1	2	3	4	5	6	7
	Kedudukan	3	4	1	2	5	6	7

Nota: Item 1 = Matahari, Item 2 = Bukit/gunung, Item 3 = Awan, Item 4 = Burung, Item 5 = Tombol pintu, Item 6 = Tingkap yang bersilang, Item 7 = Sawah padi

Jadual 3: Maksud Setiap Item yang Dilukis oleh Responden

Item	Penerangan
Matahari	Menunjukkan individu memerlukan kasih sayang dan kemesraan.
Bukit/gunung	Halangan atau gangguan atau inginkan sokongan.
Awan	Kebimbangan yang sedang bermain di fikiran seseorang
Burung	Menunjukkan individu mencari kebebasan dan cuba melepaskan diri dari kongkongan
Tombol pintu	Pernah berlaku krisis dalam keluarga atau suka bergaul dengan orang.
Tingkap yang bersilang	Individu mungkin rasa terkongkong atau ingin perlindungan dalam rumah atau rasa lebih selamat ketika berada di dalam rumah dan bimbang dengan orang luar
Sawah padi	Individu mungkin mengalami kebimbangan/tekanan dengan kesempitan hidup terutama dari segi kewangan

PERBINCANGAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan meneroka emosi dan dimensi psikososial penghuni di sebuah institusi pemulihan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat melalui kaedah Art Drawing–House Tree Person (AD-HTP). Dapatan menunjukkan beberapa tema utama seperti kebimbangan tentang masa depan, keinginan kebebasan, kekurangan kasih sayang, keperluan sokongan, pengaruh rakan sebaya, perasaan terkongkong serta tekanan hidup dan kesempitan ekonomi. Dalam konteks perbincangan ini, tema-tema tersebut ditafsir sebagai emosi dan dimensi psikososial semasa yang berpotensi mempengaruhi proses pemulihan mereka.

Dari sudut teori, dapatan kajian boleh dirangka dalam kerangka ekologi perkembangan Bronfenbrenner, di mana tingkah laku remaja dipengaruhi oleh interaksi antara faktor intra-individu (emosi, kognitif), keluarga, rakan sebaya dan konteks sosial yang lebih luas. Pada masa yang sama, teori psikososial Erikson menekankan konflik identiti, hubungan intim dan rasa kebergunaan sosial sebagai isu teras dalam fasa remaja awal hingga lewat, yang jelas tercermin dalam naratif dan simbol lukisan peserta.

Kebimbangan Tentang Masa Depan

Hampir semua peserta melukis awan dan menerangkan kebimbangan terhadap masa depan, khususnya berkaitan pekerjaan, penerimaan keluarga dan risiko mengulangi kesilapan lampau. Kebimbangan ini boleh dilihat sebagai bentuk ketidakupayaan menerima ketidakpastian (*intolerance of uncertainty*) yang dikaitkan dengan tekanan psikologi, kemurungan dan keresahan dalam pelbagai kajian. Sebagai contoh, Godinić et al. (2020) menunjukkan bahawa ketidakpastian ekonomi dan pekerjaan mempunyai hubungan positif dengan gangguan identiti dan kesihatan mental yang merosot. Begitu juga, Russo dan Terraneo (2020) mendapati *job insecurity* berkait secara negatif dengan kesejahteraan mental dan meningkatkan gejala tekanan dan kebimbangan.

Dalam konteks institusi pemulihan, kebimbangan ini bukan sekadar “rasa risau biasa” tetapi menjadi faktor emosi yang boleh menyumbang kepada tingkah laku berisiko jika tidak diurus dengan baik. Remaja yang melihat masa depan sebagai kabur dan penuh ancaman mungkin cenderung memilih jalan pintas (seperti kembali kepada rangkaian lama, aktiviti haram atau coping yang tidak sihat) berbanding usaha jangka panjang yang memerlukan disiplin. Pada masa yang sama, kebimbangan ini juga boleh ditafsir sebagai isyarat motivasi perubahan iaitu mereka sedar tentang akibat tingkah laku lampau dan bimbang mengulanginya. Secara praktikal, ini menunjukkan keperluan intervensi kaunseling yang menekankan perancangan kerjaya, kemahiran hidup dan pengurusan kebimbangan sebelum mereka kembali ke komuniti.

Keinginan untuk Kebebasan dan Autonomi

Simbol burung dalam lukisan menggambarkan keinginan kuat peserta untuk kebebasan dan autonomi – sama ada dari sudut fizikal (keluar dari institusi) mahupun psikologi (boleh membuat keputusan sendiri tanpa kawalan ketat). Dari perspektif teori psikososial Erikson, keperluan untuk autonomi, identiti dan rasa keupayaan diri adalah normal dalam fasa remaja. Namun, apabila keinginan kebebasan ini

disalurkan melalui aktiviti seperti penyalahgunaan bahan, perlumbaan haram atau jenayah kecil, ia boleh menjadi laluan kepada tingkah laku devian.

Dapatan ini selari dengan Defoe et al. (2022), yang menegaskan bahawa remaja cenderung menzahirkan autonomi mereka melalui tingkah laku risiko apabila mereka tidak mempunyai saluran kebebasan yang sihat atau apabila identiti mereka dilabel secara negatif oleh persekitaran. Dalam konteks Malaysia pula, Gan et al. (2020) melaporkan bahawa sokongan autonomi daripada ibu bapa mengurangkan kecenderungan kepada masalah tingkah laku, manakala kawalan berlebihan (coercive control) meningkatkan kesukaran emosi dan tingkah laku dalam kalangan remaja. Ini menunjukkan bahawa dorongan kebebasan bukanlah masalah utama; yang lebih penting ialah bagaimana keinginan tersebut dibimbing, disalurkan dan disokong oleh struktur sosial di sekeliling mereka.

Selaras dengan itu, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa laluan tingkah laku yang dipilih menentukan sama ada kebebasan itu adaptif atau bermasalah. Jika selepas keluar nanti mereka kembali ke persekitaran lama tanpa alternatif kebebasan yang sihat (contohnya kerja sah, aktiviti sukan, program komuniti), keinginan ini boleh menjadi faktor yang menyumbang kepada pengulangan tingkah laku berisiko. Oleh itu, pada peringkat intervensi, keinginan untuk bebas perlu disalurkan semula kepada aktiviti yang pro-sosial dan bermakna, bukannya sekadar ditekan melalui disiplin institusi.

Keperluan Terhadap Kasih Sayang dan Keterikatan Emosi

Tema keperluan terhadap kasih sayang dan keterikatan emosi yang tergambar melalui simbol matahari, rumah serta naratif konflik keluarga menunjukkan bahawa ramai peserta berasal daripada latar keluarga yang rapuh, tidak stabil atau kurang penglibatan ibu bapa. Berdasarkan teori attachment, gangguan dalam kelekatan awal (insecure attachment) sering dikaitkan dengan tingkah laku memberontak, kesukaran mengawal emosi dan pencarian penerimaan dalam kalangan rakan sebaya berisiko.

Kebimbangan Tentang Masa Depan

Hampir semua peserta melukis awan dan menerangkan kebimbangan terhadap masa depan, khususnya berkaitan pekerjaan, penerimaan keluarga dan risiko mengulangi kesilapan lampau. Kebimbangan ini boleh dilihat sebagai bentuk ketidakupayaan menerima ketidakpastian (*intolerance of uncertainty*) yang dikaitkan dengan tekanan psikologi, kemurungan dan keresahan dalam pelbagai kajian. Sebagai contoh, Godinić et al. (2020) menunjukkan bahawa ketidakpastian ekonomi dan pekerjaan mempunyai hubungan positif dengan gangguan identiti dan kesihatan mental yang merosot. Begitu juga, Russo dan Terraneo (2020) mendapati *job insecurity* berkait secara negatif dengan kesejahteraan mental dan meningkatkan gejala tekanan dan kebimbangan.

Dalam konteks institusi pemulihan, kebimbangan ini bukan sekadar “rasa risau biasa” tetapi menjadi faktor emosi yang boleh menyumbang kepada tingkah laku berisiko jika tidak diurus dengan baik. Remaja yang melihat masa depan sebagai kabur dan penuh ancaman mungkin cenderung memilih jalan pintas (seperti kembali kepada rangkaian lama, aktiviti haram atau *coping* yang tidak sihat) berbanding usaha jangka panjang yang memerlukan disiplin. Pada masa yang sama, kebimbangan ini juga boleh ditafsir sebagai isyarat motivasi perubahan iaitu mereka sedar tentang akibat tingkah laku lampau dan bimbang mengulanginya. Secara praktikal, ini menunjukkan keperluan intervensi kaunseling yang menekankan perancangan kerjaya, kemahiran hidup dan pengurusan kebimbangan sebelum mereka kembali ke komuniti.

Keinginan untuk Kebebasan dan Autonomi

Simbol burung dalam lukisan menggambarkan keinginan kuat peserta untuk kebebasan dan autonomi – sama ada dari sudut fizikal (keluar dari institusi) mahupun psikologi (boleh membuat keputusan sendiri tanpa kawalan ketat). Dari perspektif teori psikososial Erikson, keperluan untuk autonomi, identiti dan rasa keupayaan diri adalah normal dalam fasa remaja. Namun, apabila keinginan kebebasan ini

disalurkan melalui aktiviti seperti penyalahgunaan bahan, perlumbaan haram atau jenayah kecil, ia boleh menjadi laluan kepada tingkah laku devian.

Dapatan kajian ini adalah konsisten dengan meta-analisis oleh Hoeve et al. (2012), yang menunjukkan bahawa kelekatan tidak selamat dengan ibu bapa (insecure parental attachment) merupakan prediktor kuat kepada delinkuensi dan masalah tingkah laku remaja. Selain itu, kajian sistematik oleh Yap et al. (2014) turut menegaskan bahawa konflik keluarga, kurang kasih sayang, disiplin tidak konsisten dan komunikasi yang lemah meningkatkan risiko masalah emosi dan tingkah laku dalam kalangan remaja.

Secara analitikal, kekurangan kasih sayang bukanlah faktor tunggal yang membawa kepada tingkah laku bermasalah; namun, ia membentuk latar psikososial yang menjadikan remaja lebih terdedah kepada pengaruh rakan sebaya negatif dan strategi mengatasi tekanan yang tidak sihat. Dalam konteks institusi pemulihan, keperluan terhadap kasih sayang dan penerimaan tetap berterusan, dan jika tidak dipenuhi melalui sokongan terapeutik, mereka mungkin mencari hubungan gantian yang tidak sihat selepas dibebaskan.

Harapan Terhadap Sokongan dan Bimbingan

Tema keperluan sokongan yang muncul dalam lukisan bukit/gunung serta harapan untuk bantuan JKM, keluarga dan institusi latihan menunjukkan bahawa penghuni menyedari mereka tidak boleh “bangun sendiri” tanpa rangkaian sokongan. Ini selari dengan dapatan pelbagai kajian yang menunjukkan bahawa sokongan sosial daripada keluarga, rakan dan komuniti bertindak sebagai faktor pelindung penting terhadap tekanan, kebimbangan dan kemurungan dalam kalangan remaja (Acoba, 2024; Sarwar et al., 2022; Yu et al., 2021). Secara analitikal, dapatan ini mencadangkan bahawa faktor emosi dan psikososial yang dikenal pasti melalui AD-HTP bukan sahaja menjelaskan mengapa sebahagian remaja kekal berada dalam keadaan emosi yang rapuh, tetapi juga membuka ruang intervensi, contohnya:

- kaunseling berfokus trauma dan keluarga
- program *mentoring* dan *peer-support* yang berstruktur

- latihan kemahiran vokasional yang digabung dengan modul kemahiran daya tindak (coping skills), dan perancangan transisi keluar institusi yang menekankan jaringan sosial positif.

Keperluan Sosialisasi dan Pengaruh Rakan Sebaya

Tema keperluan sosialisasi dan pengaruh rakan sebaya yang dilambangkan dengan simbol tombol pintu menunjukkan bahawa penghuni melihat hubungan dengan rakan sebagai sumber hiburan, sokongan emosi dan identiti sosial. Namun, mereka juga mengakui bahawa sebahagian kesalahan lampau dan kebimbangan masa depan berkait rapat dengan pengaruh rakan.

Secara teori, *Social Learning Theory* (Bandura) dan literatur tentang *peer influence* menjelaskan bagaimana remaja belajar tingkah laku melalui pemerhatian dan peneguhan sosial. Meta-analisis oleh Giletta et al. (2021) menunjukkan bahawa pengaruh rakan sebaya memberi kesan yang kecil tetapi konsisten terhadap perubahan tingkah laku *internalising* dan *externalising* dalam kalangan kanak-kanak dan remaja. Molleman et al. (2022) pula menunjukkan bahawa pengaruh rakan sebaya bersifat “pedang dua mata”: pendedahan kepada rakan yang melanggar peraturan menggalakkan pelanggaran, manakala rakan yang patuh boleh meningkatkan pematuhan dan prososialiti.

Dalam konteks Malaysia, Zakaria et al. (2022) mendapati bahawa tekanan rakan sebaya dan pengaruh geng merupakan antara faktor utama penglibatan remaja lelaki dalam delinkuensi. Ini bermakna, orientasi sosial penghuni terhadap rakan yang jelas muncul dalam dapatan kajian ini – boleh difahami sebagai faktor psikososial semasa yang sangat kuat, yang sama ada:

- menyumbang kepada tingkah laku bermasalah jika mereka kembali kepada rakan lama yang berisiko, atau
- menjadi faktor pelindung jika mereka dibimbing untuk membina rangkaian rakan pro-sosial.

Oleh itu, sebarang program pemulihan yang mengabaikan dimensi rakan sebaya berisiko gagal mengubah trajektori tingkah laku mereka.

Perasaan Terkongkong dan Keperluan Perlindungan

Simbol tingkap bersilang yang muncul dalam lukisan peserta menggambarkan dinamika emosi yang ambivalen: mereka mahukan perlindungan daripada risiko luar, namun pada masa yang sama berasa tertekan dengan peraturan ketat institusi yang mengehadkan kebebasan fizikal dan psikologi. Ambivalen ini selari dengan literatur remaja berisiko yang menekankan bahawa kawalan sosial boleh menjadi pelindung, tetapi ia juga boleh mencetuskan reaksi penolakan apabila dirasakan terlalu menghimpit. Dari perspektif teori kawalan sosial, keluarga dan institusi berperanan sebagai agen kawalan yang mengurangkan risiko tingkah laku devian melalui pengawasan dan disiplin; namun kawalan yang berlebihan boleh mencetuskan reaktiviti tingkah laku dan memberontak kerana remaja merasakan autonomi mereka terancam (Quancai, 2023; Zhang et al., 2024). Situasi ini turut disokong oleh dapatan bahawa perkembangan kawalan sendiri (self-regulation) bergantung kepada keseimbangan antara autonomi dan struktur: apabila kawalan luaran terlalu dominan tanpa ruang suara, remaja lebih cenderung mencari laluan alternatif untuk menzahirkan kebebasan melalui tingkah laku berisiko (Turri, 2024). Oleh itu, simbol tingkap bersilang yang dilukis peserta menunjukkan bukan sahaja rasa terkongkong, tetapi juga usaha mereka mencari bentuk kawalan diri yang lebih seimbang. Hal ini sejalan dengan meta-analisis Vazsonyi et al. (2017), yang menunjukkan bahawa kawalan sendiri merupakan prediktor paling konsisten terhadap risiko delinkuensi; tanpa pembangunan kawalan sendiri yang kukuh, remaja cenderung kembali kepada pola tingkah laku bermasalah apabila kembali ke komuniti.

Tekanan Hidup dan Kesempitan Sosioekonomi

Simbol sawah padi dan naratif tentang hutang keluarga, beban kewangan dan ketakutan terhadap hukuman lebih berat menunjukkan bahawa sebahagian peserta hidup dalam konteks tekanan

sosioekonomi yang berpanjangan. Daripada kajian Godinić et. al. (2020) secara konsisten menunjukkan bahawa tekanan ekonomi dan ketidakpastian pekerjaan berkait rapat dengan penurunan kesejahteraan psikologi, peningkatan kebimbangan dan gangguan mood.

Apabila digabungkan dengan faktor lain seperti kekurangan sokongan keluarga, pengaruh rakan sebaya negatif dan keinginan kebebasan, tekanan ekonomi ini boleh menjadi “lapisan tambahan” yang menolak remaja ke arah strategi survival yang berisiko, termasuk kegiatan jenayah atau dadah. Dalam erti kata lain, kesempitan hidup bukanlah satu-satunya punca, tetapi ia menjadi faktor penggalak (amplifier) kepada tingkah laku bermasalah, khususnya apabila tiada laluan sokongan formal atau peluang mobiliti sosial yang jelas.

Akhir sekali, kajian ini menunjukkan bahawa kaedah AD-HTP berupaya mendedahkan lapisan emosi dan psikososial tersembunyi yang sukar diungkapkan secara lisan oleh penghuni institusi. Dalam konteks ini, emosi dan psikososial semasa yang mempengaruhi cara mereka menilai diri, orang lain dan masa depan – dan seterusnya berpotensi menyumbang kepada proses pemulihan.

Kesimpulan

Kajian ini meneroka dimensi emosi dan psikososial penghuni sebuah institusi pemulihan di bawah JKM menggunakan kaedah *Art Drawing–House Tree Person* (AD-HTP). Dapatan menunjukkan bahawa para peserta membawa pengalaman dalaman yang kompleks, pelbagai lapis dan sering kali sukar diluahkan secara lisan. Melalui simbol dan naratif dalam lukisan, tujuh tema utama telah dikenal pasti:

- a) kebimbangan tentang masa depan;
- b) keinginan untuk kebebasan dan autonomi;
- c) keperluan terhadap kasih sayang dan keterikatan emosi;
- d) harapan terhadap sokongan dan bimbingan;
- e) keperluan sosialisasi serta pengaruh rakan sebaya;

- f) perasaan terkongkong dan keperluan perlindungan; dan
- g) tekanan hidup serta kesempitan sosioekonomi.

Tema-tema ini menggambarkan interaksi rumit antara faktor emosi, sejarah keluarga, identiti diri, dinamika rakan sebaya dan konteks sosial remaja yang menjalani pemulihan. Secara keseluruhan, kajian ini membuktikan bahawa AD-HTP bukan sahaja membantu mendedahkan perasaan terpendam yang tidak dapat ditangkap melalui temu bual konvensional, tetapi juga berfungsi sebagai alat projekatif yang memberi gambaran mendalam tentang keadaan psikososial penghuni institusi.

Syor Berdasarkan Penemuan Kajian

Berdasarkan tujuh tema yang dikenal pasti, beberapa syor dapat dirumuskan bagi mengukuhkan proses pemulihan dan sokongan psikososial di institusi pemulihan:

Program Pemulihan Emosi & Regulasi Kendiri (Self-Regulation)

Tema kebimbangan, tekanan hidup dan kegusaran terhadap masa depan menunjukkan keperluan kepada intervensi seperti:

- kaunseling berfokuskan emosi;
- terapi seni;
- modul pengurusan stres dan kebimbangan; dan
- latihan kemahiran mengurus emosi (emotion regulation skills).

Ini membantu remaja menangani ketidakpastian masa depan dengan lebih adaptif.

Intervensi Autonomi Positif

Memandangkan tema kebebasan dan autonomi dominan dalam lukisan:

- aktiviti yang memberi perasaan kawalan diri seperti projek kemahiran, sukan, latihan vokasional, atau program komuniti perlu diperluas; dan
- remaja perlu diajar membezakan antara kebebasan adaptif (membuat keputusan bertanggungjawab) dan kebebasan maladaptif (perlumbaan haram, dadah, ponteng, pergaulan tidak sihat).

Pengukuhan Sokongan dan Kelekatan Keluarga

Tema kelekatan dan kasih sayang yang tidak konsisten menuntut:

- sesi terapi keluarga;
- bengkel keibubapaan berfokuskan responsif dan sokongan emosi;
- lawatan keluarga yang lebih terstruktur; dan
- program reunifikasi keluarga bagi remaja yang akan tamat tempoh pemulihan.

Memperluas Sokongan Sosial & Peranan Mentor

Rakan sebaya sangat mempengaruhi identiti dan keputusan mereka:

- program mentor (dewasa & peer-mentor) boleh mengurangkan pengaruh rakan berisiko; dan
- aktiviti berbentuk kumpulan sokongan (support group) membantu mereka membina hubungan yang lebih sihat.

Memperkemas Sokongan Akademik & Vokasional

Tema harapan terhadap sokongan dan bimbingan menunjukkan keperluan kepada:

- perancangan kerjaya individu;
- latihan vokasional berskala lebih intensif;
- peluang sambung belajar; dan
- bimbingan pekerjaan selepas tamat institusi.

Keseimbangan Antara Kawalan & Autonomi

Bagi tema perasaan terkongkong:

- institusi perlu mengimbangi disiplin dengan ruang autonomi terkawal; dan
- menyediakan ruang selamat “*safe spaces*” dan sesi suarakan pendapat remaja (youth voice).

Intervensi Khusus Tekanan Sosioekonomi

Tema tekanan kewangan keluarga dan kesempitan hidup boleh ditangani melalui:

- sokongan kebajikan keluarga;

- keusahawanan kecil-kecilan dalam institusi; dan
- latihan kemahiran kerja yang boleh menjana pendapatan selepas keluar.

LIMITASI KAJIAN

Kajian ini mempunyai beberapa limitasi yang perlu diberi perhatian dalam mentafsir dapatan. Pertama, saiz sampel yang kecil iaitu hanya melibatkan 10 orang peserta menghadkan tahap generalisasi dapatan kepada institusi pemulihan lain, kerana pengalaman emosi dan psikososial remaja mungkin berbeza mengikut konteks. Kedua, kajian ini bergantung sepenuhnya pada interpretasi kaedah *Art Drawing–House Tree Person* (AD-HTP), dan walaupun tafsirannya merujuk manual standard, ia tetap melibatkan unsur subjektiviti yang dipengaruhi latar pengetahuan serta pengalaman pengkaji. Ketiga, faktor situasi institusi semasa pengumpulan data seperti peraturan dalaman, budaya institusi, keadaan staf bertugas dan peristiwa harian yang berlaku tidak diambil kira secara khusus, sedangkan faktor-faktor ini berpotensi mempengaruhi mood, emosi dan simbol lukisan peserta. Limitasi-limitasi ini menunjukkan bahawa dapatan kajian perlu dilihat sebagai eksploratori dan memberi ruang untuk kajian lanjutan yang lebih meluas serta triangulasi kaedah yang lebih kukuh.

IMPLIKASI KAJIAN

Dari sudut teori, kajian ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih komprehensif tentang perkembangan psikososial remaja dalam konteks institusi pemulihan. Dapatan menunjukkan bahawa pengalaman emosi, kelekatan keluarga, autonomi, pengaruh rakan sebaya dan tekanan sosioekonomi saling berinteraksi dalam membentuk dunia dalaman penghuni. Ini mengukuhkan kesesuaian penggunaan Model Perkembangan Psikososial Erikson, teori kelekatan serta teori kawalan sosial dalam menafsir simbol dan naratif yang muncul melalui kaedah *Art Drawing–House Tree Person* (AD-HTP). Melalui interpretasi ini, kajian menawarkan sokongan empirikal bahawa proses pembentukan identiti remaja dalam institusi sangat dipengaruhi oleh faktor psikososial yang pelbagai lapis.

Dari perspektif amalan kaunseling dan pemulihan, AD-HTP menunjukkan potensi besar sebagai alat saringan tambahan untuk mengenal pasti isu emosi tersembunyi yang tidak dapat dilihat melalui temu bual konvensional. Kaedah ini boleh membantu kaunselor merangka intervensi individu yang lebih tepat, serta memantau perubahan psikososial peserta sepanjang tempoh pemulihan. Dengan itu, AD-HTP sesuai digabungkan bersama kaedah terapi kognitif, terapi keluarga, modul pembangunan resilien dan intervensi berfokus emosi bagi menyediakan sokongan lebih menyeluruh kepada remaja di institusi.

Dari sudut dasar dan pengurusan institusi pemulihan, penemuan kajian menunjukkan bahawa proses pemulihan tidak boleh bergantung semata-mata pada disiplin dan struktur kawalan. Sebaliknya, pengukuhan sokongan emosi, bimbingan vokasional, hubungan keluarga yang positif, serta program mentor atau sokongan rakan sebaya (peer-support) perlu diperkasa bagi mengurangkan risiko relaps tingkah laku selepas keluar. Dapatan kajian juga menekankan keperluan institusi menyediakan ruang autonomi yang selamat, sekali gus memberi peluang kepada remaja membina kawalan sendiri secara bertahap tanpa mengundang konflik dengan peraturan institusi.

Akhir sekali, implikasi terhadap penyelidikan lanjutan menunjukkan bahawa kajian masa hadapan wajar memperluas skop kepada institusi yang berbeza dan sampel yang lebih besar bagi mendapatkan variasi pengalaman psikososial remaja. Kajian longitudinal juga penting bagi menilai perubahan emosi dan tingkah laku selepas peserta keluar daripada institusi. Selain itu, triangulasi kaedah seperti menggabungkan AD-HTP dengan temu bual mendalam, soal selidik psikologi atau pemerhatian boleh meningkatkan kesahan dapatan. Penyelidikan intervensi juga boleh dijalankan bagi menilai sejauh mana program yang dirangka berdasarkan tema emosi kajian ini dapat meningkatkan keberkesanan proses pemulihan

RUJUKAN

- Abu Bakar, A. A., & Hamzah, M. I. (2019). Faktor keterlibatan remaja dengan masalah sosial. *Jurnal Hadhari*, *11*(1), 1–17.
- Abu Shahim, M. R., & Mohamed Arip, M. A. (2024). *Art drawing house-tree-person (AD-HTP)* (2nd ed.). Psychology and Counselling Academy.
- Acoba, E. F. (2024) Social support and mental health: the mediating role of perceived stress. *Frontiers in Psychology*, *15*, 1330720. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2024.1330720>
- Aziz, S., Abd Razak, M. A., Nen, S., Manap, J., & Hoesni, S. M. (2023). *Adolescent deviant behavior in Malaysia*. *Journal of Southwest Jiaotong University*, *58*(5), 729–742. <https://doi.org/10.35741/issn.0258-2724.58.5.56>
- Bandura, A. (1977). *Social learning theory*. Prentice-Hall.
- Braun, V., & Clarke, V. (2022). *Thematic analysis: A practical guide*. SAGE Publications.
- Defoe, I. N., Rap, S. E., & Romer, D. (2022). Adolescents' own views on their risk behaviours, and the potential effects of being labelled as risk-takers: A commentary and review. *Frontiers in Psychology*, *13*, 945775. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2022.945775>
- Gan, S. W., Yaacob, S. N., Tan, J.-P., & Juhari, R. (2020). Relations between parental autonomy support and coercion with children's total difficulties in Malaysia. *Makara Human Behavior Studies in Asia*, *24*(1), 37-46. <https://doi.org/10.7454/hubs.asia.1050819>
- Giletta, M., Choukas-Bradley, S., Maes, M., Linthicum, K. P., Card, N. A., & Prinstein, M. J. (2021). A meta-analysis of longitudinal peer influence effects in childhood and adolescence. *Psychological Bulletin*, *147*(7), 719–747. <https://doi.org/10.1037/bul0000329>

- Godinić, D., Obrenović, B., & Khudaykulov, A. (2020). Effects of economic uncertainty on mental health in the COVID-19 pandemic context: Social identity disturbance, job uncertainty and psychological well-being model. *International Journal of Innovation and Economic Development*, 6(1), 61-74. <https://doi.org/10.18775/ijied.1849-7551-7020.2015.61.2005>
- Guest, G., Namey, E., & Chen, M. (2020). A simple method to assess and report thematic saturation in qualitative research. *PLoS One*, 15(5), e0232076. <https://doi.org/10.1371/journal.pone.0232076>
- Hoeve, M., Stams, G. J., van der Put, C. E., Dubas, J. S., van der Laan, P. H., & Gerris, J. R. (2012). A meta-analysis of attachment to parents and delinquency. *Journal of Abnormal Child Psychology*, 40(5), 771–785. <https://doi.org/10.1007/s10802-011-9608-1>
- Ismail, N. H., Halifah, D. N. A. A., & Makhsin, M. (2022). Faktor masalah sosial dalam kalangan pelajar. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7(46), 674–685. <https://doi.org/10.35631/IJEPC.746051>
- Molleman, L., Ciranka, S., & van den Bos, W. (2022). Social influence in adolescence as a double-edged sword. *Biological Sciences*, 289(1977), 20220045. <https://doi.org/10.1098/rspb.2022.0045>
- Quancai, L., Meng, C., & Kunjie, C. (2023). Social control and self-control: Factors linking exposure to domestic violence and adolescents' Internet gaming addiction. *Frontiers In Psychiatry*, 14, 1245563. <https://doi.org/10.3389/fpsyt.2023.1245563>
- Russo, C., & Terraneo, M. (2020). Mental well-being among workers: A cross-national analysis of job insecurity impact on the workforce. *Social Indicators Research*, 152, 421–442. <https://doi.org/10.1007/s11205-020-02441-5>

- Sarwar, A., Islam, M. A., Abdullah, S., & Mamun, A. A. (2022). Social connections and self-perceived depression: An enhanced model for studying teenagers' mental wellbeing. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, *19*(23), 15791. <https://doi.org/10.3390/ijerph192315791>
- Tharshini, N. K., & Fauziah Ibrahim, F. (2020). Faktor-faktor berisiko yang menyumbang kepada tingkah laku devian: Satu kajian ulasan sistematik. *Jurnal Perspektif*, *12*(1), 28–38.
- Turri, F., Jones, A., Constanty, L., Ranjbar, S., Drexl, K., Miano, G., Lepage, C., Plessen, K. J., & Urban, S. (2024). Self-regulatory control processes in youths: A temporal network analysis approach. *JCPP Advances*, *4*(1), e12200. <https://doi.org/10.1002/jcv2.12200>
- Vazsonyi, A. T., Mikuška, J., & Kelley, E. L. (2017). It's time: A meta-analysis on the self-control-deviance link. *Journal of Criminal Justice*, *48*, 48–63. <https://doi.org/10.1016/j.jcrimjus.2016.10.001>
- Yap, M. B., Pilkington, P. D., Ryan, S. M., & Jorm, A. F. (2014). Parental factors associated with depression and anxiety in young people: A systematic review and meta-analysis. *Journal of Affective Disorders*, *156*, 8–23. <https://doi.org/10.1016/j.jad.2013.11.007>
- Yu, X., Zhang, L., Lin, Z., Zhou, Z., Hazer-Rau, D., Li, P., Ji, W., Zhang, H., & Wu, T. (2021). Ostracism, psychological capital, perceived social support and depression among economically disadvantaged youths: A moderated mediation model. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, *18*(21), 11282. <https://doi.org/10.3390/ijerph182111282>

- Zakaria, E., Kamarudin, N. N., Mohamad, Z. S., Suzuki, M., Rathakrishnan, B., Bikar Singh, S. S., Ab Rahman, Z., Sabramani, V., Shaari, A. H., & Kamaluddin, M. R. (2022). The Role of Family Life and the Influence of Peer Pressure on Delinquency: Qualitative Evidence from Malaysia. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, *19*(13), 7846. <https://doi.org/10.3390/ijerph19137846>
- Zakaria, P., Noor, A. M., Khir, A. M., Jaafar, W. M. W., & Hassan, M. M. (2021). The association between family relationship, deviant peer socialization, self-concept and aggressive behavior among at-risk student in Selangor. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, *11*(12), 601–617. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBS/v11-i12/11801>
- Zhang, S., Chang, T., & Li, Z. (2024). Parental psychological control and college students' negative risk-taking behaviors: The chain-mediating of autonomy and self-control. *Psychology Research and Behavior Management*, *17*, 2687–2699. <https://doi.org/10.2147/PRBM.S463664>